

## PEMIKIRAN IMAM AL-SYAFI'I MENGENAI HIBAH 'UMRA DAN RUQBA DALAM AL-UMM: SATU ANALISA

Noor Syahida Abdul Rahman<sup>1</sup>  
Ahmad Misbah Mohamad Hilmi<sup>2</sup>  
Maffuza Salleh<sup>3</sup>  
Hasliza Talib<sup>4</sup>  
[syahida@kuis.edu.my](mailto:syahida@kuis.edu.my)

Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

Hibah 'umra dan ruqba merupakan salah satu daripada kontrak *tabarru'at* dalam muamalat Islam yang bersifat kebajikan. Artikel ini akan menganalisis sumbangan pemikiran Imam al-Syafi'i dalam muamalah dengan tumpuan kepada kontrak hibah 'umra dan ruqba sebagaimana yang terdapat di dalam kitabnya *al-Umm*. Imam al-Syafi'i adalah seorang ulama fiqh yang tersohor dan terkemuka dalam sejarah Islam. Karya *al-Umm* merupakan antara kitab fiqh utama yang begitu bernilai dalam pengajian Islam dan tidak dinafikan, karya tersebut telah memberi sumbangan yang besar kepada evolusi tamadun Islam dalam mencapai tahap ketamadunan yang tinggi serta suatu peradaban yang murni dan progresif. Metodologi yang digunakan ialah kajian perpustakaan (*library research*) dan analisis teks. Dapatkan kajian ini secara deskriptif mendapati kekuatan yang ada pada pandangan Imam al-Syafi'i dalam karya *al-Umm* menerusi perbincangan tajuk hibah 'umra dan ruqba ini adalah berpaksikan kepada hadis yang menjadi rujukan *istinbatnya* dalam pengambilan hukum. Penulisan beliau mengenai konsep hibah 'umra dan ruqba khasnya dan karya *al-Umm* amnya adalah masih lagi relevan dan praktikal serta mampu menjadi asas yang kukuh dalam memenuhi keperluan umat Islam. Perbahasan mengenai hibah 'umra dan ruqba jelas menunjukkan bahawa ia merupakan satu instrumen yang relevan untuk diaplikasikan dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan ketetapan hukum syarak. Kajian ini diharapkan mampu menjadi garis panduan kepada umat Islam di negara ini khususnya dan seterusnya kepada pihak industri yang menawarkan perkhidmatan hibah kepada masyarakat Islam di Malaysia.

**Kata Kunci:** Imam al-Syafi'i, *al-Umm*, Hibah, 'Umra, Ruqba.

### PENDAHULUAN

<sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Syariah, Akademi Islam, KUIS.

<sup>2</sup> Pensyarah Jabatan Undang-Undang, Akademi Islam, KUIS.

<sup>3</sup> Pensyarah Jabatan Undang-Undang, Akademi Islam, KUIS.

<sup>4</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Teras, KUIS.

Artikel ini akan menganalisis sumbangan pemikiran Imam al-Syafi'i dalam muamalah dengan tumpuan pada akad *hibah 'umra dan ruqba* sebagaimana yang terdapat di dalam Kitabnya *al-Umm*. Imam al-Syafi'i adalah seorang Ulama Fiqh yang tersohor dan terkemuka dalam sejarah Islam. Kelahiran di Ghazzah, Palestin tahun 150H/767M dan wafat pada tahun 204H/819M di Mesir ketika berusia 54 tahun. Karya *al-Umm* hasil buah fikiran beliau ini merupakan antara kitab fiqh utama yang begitu bernilai dalam pengajian Islam. Analisis pemikiran beliau ini akan tertumpu kepada penulisan muamalahnya dalam kitab tersebut yang diterbitkan oleh Dar al-Wafa' Mansurah Mesir pada tahun 1422H./2001M. dan dirujuk secara khusus pada kitab *al-Hibah (al-'Umra)* dan kitab Ikhtilaf Malik wa al-Syafi'i bab *fi al-'Umra* daripada halaman 129 hingga ke halaman 133, Jilid 5 dan halaman 591 hingga ke halaman 596, Jilid 8.

Sumbangan pemikiran Imam al-Syafi'i dalam bidang muamalah ini meliputi, antaranya, konsep *al-Buyu'*, *al-Khiyar*, *al-Sarf*, *al-Salam*, *al-Rahn al-Kabir*, *al-Rahn al-Saghir*, *al-Taflis*, *al-Hajr*, *al-Sulh*, *al-Hiwalah*, *al-Dhaman*, *al-Syirkah*, *al-Wakalah*, *al-Iqrar*, *al-'Ariyah*, *al-Ghasb*, *al-Syuf'ah*, *al-Qirad*, *al-Musaqah*, *al-Muzara'ah*, *al-Ijarah*, *Imarah al-Ard wa Ihya' al-Mawat*, *al-Ahbas*, *al-Hibah*, *al-'Umra wa al-Ruqba*, *al-Luqatah*, *al-Laqt*, *al-Faraaid wa al-Mawarith*, *al-Wasaya*, *al-Wadi'ah*. Konsep-konsep tersebut adalah antara akad penting dalam transaksi Islam dan telah diamalkan dalam operasi perbankan dan kewangan Islam, industri amanah semasa terutamanya di Malaysia.

Analisis terhadap pemikiran Imam al-Syafi'i dalam akad hibah '*umra dan ruqba* adalah amat penting kerana walaupun beliau berada di abad ke 3H./9M, tetapi pemikiran dan penyelesaiannya terhadap persoalan hibah '*umra dan ruqba* adalah penting dalam amalan semasa terutamanya kepada Umat Islam di Malaysia pada milenium ke 3 ini.

## BIOGRAFI RINGKAS IMAM AL-SYAFI'I

Secara ringkasnya nama Imam al-Syafi'i ialah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Syafi'i bin al-Sa'ib bin 'Ubayd bin 'Abd Yazid bin Hasyim bin al-Muttalib bin 'Abd al-Manaf bin Qusay bin Kilab bin Murrah bin Ka'ab bin Luay al-Qurasyi al-Muttallabi al-Syafi'i al-Makki<sup>5</sup>. Beliau memiliki pertalian nasab dengan Rasulullah SAW melalui 'Abdul Manaf Bin Qusay. Menurut riwayat Imam al-Bayhaqi, Imam al-Shafi'i dilahirkan di Ghazzah, Palestin tahun 150H/767M dan wafat pada bulan Rajab tahun 204H/819M di Mesir ketika berusia 54 tahun<sup>6</sup>. Imam al-Syafi'i hidup pada zaman khalifah Harun al-Rasyid, al-Amin dan al-Makmun dari dinasti 'Abbasiyah<sup>7</sup>. Menurut al-Suyuti (t.t) Imam al-Syafi'i adalah dikenali sebagai mujtahid *mutlaq mustaqil*.<sup>8</sup> Imam al-Syafi'i adalah ahli fiqh Islam yang terkemuka dalam sejarah

<sup>5</sup> Al-Daqr, 'Abd al-Ghani. 2005. *Al-Imam al-Syafi'i Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam. 'Abd al-Mu'ti, Faruq. 1992. *'A'lam al-Fuqaha wa al-Muhaddithin al-Imam al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Lihat: *Tabaqat al-Mufassirin li al-Dawudi* 3/98. *Jamharah Ansab al-'Arab* li Ibn Hazm 73.

<sup>6</sup> Al-Baihaqi. *Manaqib al-Syafi'i*. tahqiq Ahmad Saqr, al-Qahirah: Dar al-Turas, .t.t.

<sup>7</sup> Abdul Karim, M.Ag. 2012. *Pola Pemikiran Imam Syafi'i dalam Menetapkan Hukum Islam*. Jurnal Adabiyyah Vol XIII (2) (2013).

<sup>8</sup> Imam empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali dikenali sebagai mujtahid *mutlaq mustaqil*, hampir boleh dikatakan tidak ada lagi mana-mana ulama yang mampu membina metode atau pun kaedah tersendiri dalam pembinaan hukum melainkan dengan kehendak Allah SWT. Ibn Burhan dalam menjelaskan situasi tersebut menegaskan bahawa metode mazhab dan kaedah-kaedah dalil telah diambil dari golongan terdahulu (*salaf*). Oleh itu tidak harus bagi generasi kemudiannya melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya. 13 'Abd al-Rahman bin

Islam. Beliau adalah pengasas kepada mazhab Syafi'i, salah satu daripada mazhab Islam yang banyak diikuti oleh penganut agama Islam. Beliau adalah salah seorang ulama yang pandangan fiqhnya menjadi rujukan utama majoriti umat Islam. Karya-karya penulisan Imam Syafi'i dalam bidang fiqh serta disiplin ilmu yang berkaitan dengannya cukup untuk menempatkannya di barisan ulama fiqh yang terbilang hingga kini. Nama Imam al-Syafi'i merupakan satu nama besar sebagai tokoh pemikiran Islam dan intelektual yang hebat dan dikagumi terutamanya dalam mencetus idea dan menjana pemikiran kepada perkembangan fiqh Islam termasuk muamalat. Melihat kepada sumbangan pemikiran Imam al-Syafi'i yang besar terhadap dunia Islam, para sejarawan bersetuju meletakkan al-Syafi'i sebagai pengasas prinsip perundangan Islam (*The founder of the sciene of jurisprudence*)<sup>9</sup>.

### **KITAB AL-UMM KARYA IMAM AL-SYAFI'I**

*Al-Umm* merupakan kitab induk dalam mazhab al-Syafi'i. Ia dinamakan sedemikian kerana boleh dikatakan semua penulisan dalam mazhab al-Syafi'i berasal daripada kitab ini. Kitab *al-Umm* dari satu sudut merupakan kitab fiqh terbesar dan tiada tandingan pada masanya. Kitab ini membahaskan pelbagai permasalahan hukum, lengkap dengan dalil-dalilnya, sama ada daripada al-Qur'an, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas. Isi kandungan kitab ini adalah sebagai bukti keluasan ilmu Imam al-Syafi'i dalam bidang fiqh. Sedangkan dari sudut yang lain, ia juga dianggap sebagai kitab hadith kerana dalil-dalil hadith yang ia kemukakan menggunakan jalur periwayatan tersendiri sebagaimana layaknya kitab-kitab hadith.

Dalam menghuraikan sesuatu bab ataupun permasalahan hukum, Imam al-Syafi'i kadang-kadang menggunakan metode *hiwar* (soal-jawab), dalam ertikata menghuraikan pendapat pihak lain yang diadukan kepadanya sebagai pertanyaan, kemudian dibalasnya dalam bentuk jawapan. Hal itu jelas dilihat, umpamanya ketika ia menolak penggunaan *al-istihsan*. Dan dalam sesetengah kes yang lain beliau menggunakan metode *bayan* (penjelasan) dalam ertikata menghuraikan secara panjang lebar suatu masalah dengan memberikan penetapan hukumnya berdasarkan prinsip-prinsip yang dianutinya tanpa ada pertanyaan. Hal seperti ini terbukti dalam penjelasannya mengenai persoalan muamalat, *munakahat* dan lai-lain persoalan fiqh.

### **KONSEP HIBAH 'UMRA DAN RUQBA MUNURUT PEMIKIRAN IMAM AL-SYAFI'** **(JIL. 5, H. 129- 133 & JIL. 8, H. 591- 596).**

#### **Hibah 'Umra**

Dalam penulisan kitab *al-Umm* takrifan '*umra* dari segi bahasa dan istilah syarak berbentuk teknikal tidak diutarakan oleh Imam al-Syafi'i. Yang ada cuma gambaran bagaimana '*umra* itu berlaku dalam bentuk lafaz *sighah* seiptimana berikut;

---

Abu Bakar al-Suyuti (t.t.), *al-Radd 'ala man Akhlada ila al-Ard wa jahila an al-Ijtihad*.(t.t.p.):Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah, h. 39.

<sup>9</sup> Esler, Anthony. 1992. *The Human Venture; A word History*. Prentice Hall, New Jersey (Edisi ke 3).

الْعُمَرَى هِي أَنْ يَقُولُ الرَّجُلُ الْآخَرُ: أَعْمَرْتَكَ هَذِهِ الدَّارَ أَيْ أَبْحَثُ لَكَ سُكَّانًا مَدَّةً عُمْرَكَ.

'Umra iaitu pemberi hibah berkata kepada penerima hibah: "Aku 'umrakan kamu rumah ini iaitu membolehkan kamu mendiami rumah ini sepanjang hidup atau hayat kamu".<sup>10</sup>

Para fuqaha berselisih pendapat tentang keharusan hibah bersyarat yang dikaitkan dengan tempoh tertentu yang bersifat sementara. Berdasarkan perbincangan ahli fiqh pelbagai mazhab, terdapat tiga pendapat mengenai kesan 'umra terhadap kontrak hibah.

**Pendapat pertama:** Jumhur fuqaha<sup>11</sup> termasuk Imam al-Syafi'i<sup>12</sup> berpendapat bahawa hibah tersebut sah namun syarat 'umra terbatal dan tidak digunakan. Jumhur fuqaha dan Imam al-Syafi'i di dalam karyanya *al-Umm* berhujah dengan hadith yang diriwayatkan oleh Jabir r.a yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "'Umra itu adalah hak orang yang menerima hibah"<sup>13</sup>. Hadis lain yang juga diriwayatkan oleh Jabir r.a menyebut bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesiapa sahaja yang diberikan 'umra kepadanya dan kepada ahli warisnya, maka ia menjadi milik orang yang diberi itu, tidak kembali kepada orang yang memberi untuk selama-lamanya, kerana bahawasanya orang yang memberi itu telah melakukan satu pemberian yang boleh diwarisi"<sup>14</sup>. Dan sabda Rasulullah SAW lagi: "Jagalah harta kanu dan janganlah kamu merosakkannya. Sesiapa yang mengucapkan 'umra ia adalah hak orang yang ditujukan 'umra itu sama ada hidup atau mati dan kepada keturunannya"<sup>15</sup>. Rasulullah SAW telah menetapkan bahawa akad 'umra adalah sah. Ia menjadi hak milik penerima hibah sepenuhnya serta boleh diwarisi dan tidak dikembalikan kepada pemberi hibah selama-lamanya. Ini bermakna, 'umra yang disyaratkan dalam pemberian hibah tersebut tidak diambilkira. Dalam hal ini, Imam al-Syafi'i juga turut menegaskan perkara yang sama ketika al-Rabi' mengemukakan soalan kepadanya dalam isu ini.

**Pendapat kedua:** Imam Malik, Yahya bin Sa'id, al-Qasim bin Muhammad dan al-Layth berpendapat bahawa akad dan syarat 'umra adalah harus dan hibah 'umra merupakan pemberian manfaat harta sahaja<sup>16</sup>. Harta yang dihibahkan hendaklah dikembalikan kepada penghibah atau warisnya setelah penerima hibah meninggal dunia. Sungguhpun demikian, jika penghibah menyatakan 'umra tersebut juga untuk keturunan atau waris penerima hibah, maka tempoh pemilikan harta itu dilanjutkan sehingga kematian ahli waris penerima. Selepas tempoh tersebut, harta hendaklah dikembalikan kepada penghibah atau ahli warisnya. Pendapat ini adalah berasaskan hujah riwayat daripada 'Abd al-Rahman bin al-Qasim bahawa ia mendengar Makhul al-Dimasyqi bertanya kepada al-Qasim bin Muhammad berkenaan dengan 'umra. Maka berkata

<sup>10</sup> Al-Syafi'I , Muhammad Bin Idris. 2001. *Al-Umm*. Mansurah: Dar al-Wafa'. Juz. 8, hlm. 595.

<sup>11</sup> Al-Asyqar, Muhammad Sulayman 'Abd Allah. 1419H/1998M. *Al-Mujalla*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Juz. 2, hlm. 121. Al-Zuhaily, Wahbah. 1409H/1989M. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Juz. 3, hlm 187.

<sup>12</sup> Al-Syafi'i, *al-Umm*. Juz. 5, hlm. 129.

<sup>13</sup> Al-Bukhari, Sahih, kitab (*al-hibah wa fadluha wa al-tahrid 'alayha*) bab (*ma qila fi al-'umra wa al-ruqba*).

<sup>14</sup> Hadis riwayat Muslim. Lihat al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Kitab *al-Hibah*, Bab *al-'Umra*, hadith no. 20/1625, 241.

<sup>15</sup> Muslim, Sahih, kitab (*al-hibat*) bab (*al-'umra*).

<sup>16</sup> Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 5, hlm. 366.

al-Qasim: Aku tidak tahu kecuali manusia itu berpegang kepada syarat-syarat mereka pada harta dana apa yang mereka berikan. Berkaitan dengan isu ini, Imam al-Syafi'i menerusi karyanya *al-Umm* menegaskan bahawa beliau tetap berpegang dengan al-sunnah sepetimana dalam hujah pendapat yang pertama.

قال الشافعی: نحن لا نعلم أن القاسم قال هذا إلا بخبر يحيى عن عبد الرحمن عنه . وكذلك علمنا قول النبي صلی الله علیه وسلم في العمري بخبر ابن شهاب، عن أبي سلمة، عن جابر عن النبي صلی الله علیه وسلم وغيره. فإذا قبلنا خبر الصادقين، فمن روی هذا عن النبي صلی الله علیه وسلم أرجح من روی هذا عن القاسم. لا يشك عالم أن ما ثبت عن رسول الله صلی الله علیه وسلم أولى أن يقال به، مما قال أناس بعده. قد يمكن فيهم ألا يكونوا سمعوا من رسول الله صلی الله علیه وسلم، ولا بلغهم عنه شيء، وأنهم لناس لا نعرفهم.<sup>17</sup>

Berkenaan hujah yang digunakan dengan berdasarkan riwayat daripada al-Qasim ini, kata Imam al-Syafi'i, kami tidak tahu perkataan al-Qasim kecuali riwayat daripada Yahaya daripada 'Abd Al-Rahman dan dari al-Qasim sendiri. Dan demikian kami juga tahu mengenai 'umra daripada nabi SAW melalui riwayat Ibn Syihab, Abu Salamah, Jabir, dari Nabi SAW dan lai-lain perawi yang meriwayatkan perkara ini. Kata Imam al-Syafi'i: Jika kita menerima riwayat daripada perawi-perawi yang sama martabat *thiqahnya* (diperlakukan) iaitu jujur, maka sesiapa yang telah meriwayatkan hadis daripada baginda Rasulullah SAW adalah lebih tepat dan layak daripada yang meriwayatkan daripada al-Qasim. Dunia tidak meragukan apa yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW kerana perkataannya yang lebih *awla* diterima dan dipegang daripada perkataan orang lain. Kata al-Syafi'i: Mungkin berlaku mereka tidak mendengar hadis daripada Rasulullah SAW dan mungkin penjelasan baginda tidak sampai kepada mereka.

**Pendapat ketiga:** Imam Ahmad dalam satu riwayat, Imam Malik, Imam al-Shaffi'i dalam *qawl qadimnya*, Jabir bin 'Abd Allah, 'Urwah bin al-Zubayr, Abu Salamah bin 'Abd al-Rahman, al-Qasim bin Muhammad, Zayd bin Qist, al-Zuhri dalam salah satu pendapatnya, Ibn Abi Dhi'b, Abu Thawr, Dawud al-Zahiri dan golongan Zaidiyyah berpendapat 'umra yang mensyaratkan harta yang dihibahkan untuk penerima dan waris-warisnya akan menjadi milik penerima dan waris-warisnya sebagaimana pendapat golongan pertama. Namun sekiranya pemberi hibah tidak menyatakan bahawa harta yang dihibahkan akan menjadi milik waris penerima seperti dia berkata: "sekiranya kamu mati harta tersebut untukku", maka harta yang dihibahkan akan kembali kepada pemberi hibah<sup>18</sup>. Jabir r.a. berkata: "Sesungguhnya 'umra yang diharuskan oleh Rasulullah SAW adalah apabila seseorang berkata, "Ia (mawhub) untukmu dan ahli warismu". Adapun jika dia berkata, "Ia untukmu selama kamu hidup", maka hendaklah ia dikembalikan kepada pemilik asalnya"<sup>19</sup>.

<sup>17</sup> Al-Syafi'i, *al-Umm*. Juz. 8, hlm. 593.

<sup>18</sup> Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din 'Abd Allah bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. Juz. 6, hlm. 307-308.

<sup>19</sup> Hadis riwayat Muslim dan Ahmad. Lihat al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Kitab al-Hibah, Bab al-'Umra, hadith no. 23/1625, 242; Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, *al-Musnad*, no. hadith 14133 (Beirut: Dar al-Fikr, 1994), v. 9.

## HIBAH ‘RUQBA

Berkenaan dengan hibah *ruqba*, Imam al-Syafi’i juga tidak mengemukakan definisi sama ada dari sudut etimologi dan terminologi sebagaimana kebiasaan para ulama fiqh yang lain. Namun begitu, sebagaimana yang difahami, hibah *ruqba* daripada bentuk lafaz *sighah* yang dikemukakan Imam al-Syafi’i dalam karyany *al-Umm* adalah sepertimana berikut;

وَالرُّفْبَىٰ أَنْ يَقُولَ الرَّجُلُ لِلرَّجُلِ: يَقُولُ وَهَبْتُ لَكَ هَذَا الدَّارَ، إِنْ مَتْ قَبْلِي رَجَعْتُ إِلَيْ، وَإِنْ مَتْ قَبْلَكَ فَهِيَ لَكَ، فَكُلْ وَاحِدْ مِنْهَا يَرْقَبُ مَوْتَ الْآخَرِ، فَسَمِّيَتْ رُفْبَىٰ.

*Al-ruqba* apabila pemberi hibah berkata kepada penerima hibah “*Aku berikan kamu rumah ini maka sekiranya kamu mati sebelumku ia kembali kepadaku, (namun) jika aku mati sebelum kamu maka ia menjadi milikmu, maka masing-masing menjadikan rumah itu sebagai ruqba dengan menunggu mati salah seorang di antara mereka*”<sup>20</sup>.

Berdasarkan lafaz *sighah* tersebut, *ruqba* adalah kembali kepada orang yang masih hidup dan itu adalah *ruqba* daripada kedua-dua pihak. Kontrak hibah yang disertai syarat *ruqba* adalah sah. Walau bagaimanapun, sama seperti ‘umra, perbezaan pendapat para ahli fiqh adalah berkisar mengenai adakah syarat *ruqba* itu sendiri boleh dikuatkuasakan ataupun sebaliknya. Perbincangan berikut membahaskan pandangan ahli fiqh mengenai kedudukan syarat *ruqba* dan justifikasi yang dikemukakan.

**Pendapat pertama:** Mazhab al-Shafi’i, terdapat dua pendapat mengenai kedudukan *ruqba*. Mengikut *qawl qadim*, hibah dengan mensyaratkan *ruqba* merupakan kontrak yang batal<sup>21</sup>. Manakala mengikut *qawl jadid*, iaitu pandangan yang lebih tepat menurut al-Nawawi, hibah dengan syarat *ruqba* adalah sah dan memberi kesan kepada pindah milik *mawhub* kepada penerima. Walau bagaimanapun, syarat *ruqba* adalah batal dan dianggap sebagai tiada<sup>22</sup>. Oleh kerana itu, setelah penerima melakukan *qabul* dan *qabd*, harta akan menjadi milik penerima hibah selama hayatnya dan menjadi harta pusaka bagi ahli warisnya selepas dia mati tanpa mengambil kira kedudukan penghibah selepas daripada kontrak tersebut sama ada masih hidup ataupun telah mati<sup>23</sup>. Pandangan ini juga merupakan pandangan mazhab Hanbali<sup>24</sup>.

Dalam perbahasan hibah *ruqba* ini, merujuk kepada kitab *al-Umm*, adalah dapat difahami bahawa pandangan yang dikemukakan al-Nawawi, itulah pandangan Imam al-Syafi’i yang sebenar dalam *qawl jadidnya*. Mereka berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar dan Jabir r.a: Rasulullah SAW telah bersabda: “*Janganlah kamu semua melakukan ruqba dan*

<sup>20</sup> Al-Syafi’i. *Al-Umm*. Juz. 8, hlm. 595.

<sup>21</sup> Lihat misalnya al-Qaylubi, Shihab al-Din Ahmad bin Ahmad bin Salamah dan ‘Umayrah, Shihab al-Din Ahmad al-Barlisi, *Hashiyatan Qalyubi wa ‘Umayrah* (n.p.: Dar al-Fikr, n.d.), iii. 169; al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, 65.

<sup>22</sup> Al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin*, 370; al-Nawawi, *al-Majmu‘ Sharh al-Muhadhdhab*, 392.

<sup>23</sup> Al-Haytami, *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*, 522; al-Mawardi, *al-Hawi al-Kabir*, 411.

<sup>24</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni* , 335.

*janganlah juga melakukan ‘umra. Kerana sesiapa yang diberi ruqba atau diberi ‘umra, maka ia akan (menjadi) milik ahli warisnya”<sup>25</sup>.*

*Sighah* larangan dalam hadith ini jelas menunjukkan bahawa syarat yang ditetapkan dalam ‘umra dan ruqba batal. Jika kedua-dua syarat tersebut boleh dikuatkuasakan (atas asas bahawa harta itu adalah manfaat), nescaya Rasulullah SAW tidak menyebut mengenai kesan ‘umra dan ruqba yang menyebabkan harta menjadi milik hakiki kepada penerima hibah dan tidak akan dipulangkan semula kepada penghibah. Jika kesan kontrak ‘umra dan ruqba hanya sekadar memindah milikkan manfaat harta kepada penerima dan penghibah akan mendapat semula harta tersebut (sebagaimana pendapat Malik) nescaya Rasulullah SAW tidak akan memberi peringatan sedemikian<sup>26</sup>.

**Pendapat kedua:** Menurut pandangan fuqaha Maliki dan Hanafi pula, *ruqba* merupakan kontrak yang tidak sah dan adalah batal kerana Rasulullah SAW telah mengharuskan ‘umra dan membatalkan *ruqba*. Larangan ini menurut mereka disebabkan pemilikan hibah ini berkait dengan sesuatu yang bahaya, Oleh kerana itu, tidak harus mengaitkan suatu pemilikan dengan suatu yang membahayakan. Mereka juga bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang mengharuskan ‘umra dan membatalkan *ruqba*, namun menurut Imam Ahmad, hadis tersebut tidak diketahui<sup>27</sup>. Dalam isu ini, menurut al-Kasani, pemilikan dengan syarat kematian salah seorang daripada pihak terabit menyebabkan wujudnya unsur-unsur *gharar* dalam kontrak itu. Meletakkan syarat *ruqba* dengan sendirinya bermaksud penghibah telah menta’liqkan pemberiannya dengan perkara yang kewujudannya tidak dapat dipastikan. Oleh kerana pemilikan tidak boleh digantung (*ta’liq*) dengan perkara-perkara yang tidak pasti, maka kontrak hibah dengan syarat *ruqba* adalah tidak sah<sup>28</sup>.

Dalam hal ini menerusi *al-Umm*, Imam al-Syafi’i hanya menyentuh secara ringkas dengan mengemukakan apa yang diberitakan oleh Sufyan bin ‘Uyainah dari Ibn Jurayj dari ‘Ata’ bin Abi Rabah dari Jabir bin ‘Abd Allah bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah kamu semua melakukan *ruqba* dan janganlah juga melakukan ‘umra. Kerana sesiapa yang diberi *ruqba* atau diberi ‘umra, maka ia akan (menjadi) milik ahli warisnya”<sup>29</sup>.

## KESIMPULAN

Perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa Imam al-Syafi’i telah memberikan sumbangan pemikiran yang amat besar terhadap kontrak hibah ‘umra dan ruqba secara khususnya dan bidang pengajian muamalat secara umumnya sebagaimana tercatat dalam kitabnya *al-Umm* walaupun perbincangannya agak ringkas berbanding dengan para fuqaha yang lain namun

<sup>25</sup> Abi al-Tayyib Muhammad Shams al-Haq, ‘Awn al-Ma‘bud Sharh Sunan Abi Dawud, Kitab al-Buyu‘, Bab Man Qal fi al-‘Umra Lah wa li ‘Aqabih, no. hadith 3539, 469.

<sup>26</sup> Al-‘Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, 291.

<sup>27</sup> Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din ‘Abd Allah bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi. Juz. 6, hlm. 311. Al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din, *al-Majmu‘ Sharh al-Muhadhdhab* Jeddah: Maktabah al-Irsyad. Juz. 1. Hlm. 368

<sup>28</sup> Al-Kasani, *Badai‘ al-Sanai‘ fī Tartib al-Sharai‘*, 90.

<sup>29</sup> Al-Syafi’i. *Al-Umm*. Juz. 8, hlm. 593.

Sumbangan dan buah fikiran Imam al-Syafi'i ini amat penting dalam perkembangan dan pembangunan muamalat Islam khususnya kepada umat Islam di negara ini dan seterusnya kepada pihak industri yang menawarkan perkhidmatan hibah kepada masyarakat Islam di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.

## **RUJUKAN**

- Abd al-Mu'ti, Faruq. 1992. *'A'lam al-Fuqaha wa al-Muhaddithin al-Imam al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abdul Karim, M.Ag. 2012. *Pola Pemikiran Imam Syafi'i dalam Menetapkan Hukum Islam*. Jurnal Adabiyah Vol XIII (2) (2013).
- 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar al-Suyuti (t.t.), *al-Radd 'ala man Akhlada ila al-Ard wa jahila an al-Ijtihad*.(t.t.p.):Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Al-Baihaqi. t.t. *Manaqib al-Syafi'i*. tahqiq Ahmad Saqr, al-Qahirah: Dar al-Turath.
- Al-Daqr, 'Abd al-Ghani. 2005. *Al-Imam al-Syafi'i Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Esler, Anthony. 1992. *The Human Venture; A word History*. Prentice Hall, New Jersey (Edisi ke 3).
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din, *al-Majmu ' Sharh al-Muhadhdhab* Jeddah: Maktabah al-Irsyad. Juz, 1.
- Al-Syafi'i, Muhammad Bin Idris. 2001. *Al-Umm*. Mansurah: Dar al-Wafa'. Juz. 5&8
- Al-Asyqar, Muhammad Sulayman 'Abd Allah. 1419H/1998M. *Al-Mujalla*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Juz. 2.
- Al-Qaylubi, Shihab al-Din Ahmad bin Ahmad bin Salamah dan 'Umayrah, Shihab al-Din Ahmad al-Barlisi, *Hashiyatan Qalyubi wa 'Umayrah*. Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaily, Wahbah. 1409H/1989M. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Juz. 3.
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 5.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din 'Abd Allah bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. Juz. 6.